

11 NOV 1996

Mahathir - Ghana

M'SIA METERAI PERJANJIAN DI AKHIR LAWATAN DR MAHATHIR KE GHANA

Oleh: Rachman Nordin

ACCRA (Ghana), 11 Nov (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menamatkan lawatan rasminya selama empat hari ke Ghana hari ini dengan menyaksikan pemeteraian satu perjanjian dua hala dan tiga perjanjian melibatkan sektor swasta selain menyumbang sebuah Proton Wira kepada Presiden Ghana, Jerry Rawlings.

Menurut seorang pembantu Perdana Menteri, Dr Mahathir akan berlepas ke French Guiana seperti jadual untuk menyaksikan pelancaran satelit kedua Malaysia di Kourou walaupun beliau dinasihati semalam supaya jangan pergi kerana terdapat rusuhan di negara itu.

Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Abang Abu Bakar Mustapha ialah antara 30 pegawai kanan Malaysia yang menyertai perbincangan dua hala sebelum perjanjian-perjanjian itu ditandatangani.

Perjanjian dua hala itu ialah untuk menggalak dan melindungi pelaburan manakala perjanjian sektor swasta ialah mengenai pembangunan zon pemprosesan eksport, pembinaan lebuh raya dan mencari gali logam di Ghana oleh syarikat-syarikat Malaysia.

Dr Mahathir dan Rawlings kemudian mengadakan persidangan akhbar bersama.

Ghana merupakan negara kedua yang dikunjungi oleh Dr Mahathir dalam lawatannya selama seminggu ke Africa Barat setelah berada di Guinea pada Selasa lepas.

Malam tadi, Rawlings meraikan Dr Mahathir dalam jamuan negara di sini, dan dalam ucapannya menghuraikan kejayaan usaha pelaburan Ghana di Malaysia.

Menurutnya, beliau mengambil daya itu "walaupun terdapat golongan yang mempersoalkan kewajarannya."

Hasilnya, kata Rawlings, ialah Ghana kini menarik pelabur dari Amerika Syarikat, Eropah dan Asia, khususnya Malaysia, dengan kebanyakannya sudahpun memulakan perniagaan yang menguntungkan.

Dalam lawatan Dr Mahathir, empat urusan baru dilancarkan termasuk dua bank dan satu limbungan yang akan menjadikan Ghana pintu masuk ke wilayah kecil Afrika Barat.

Rawlings memuji pelabur Malaysia kerana menjaga kepentingan pekerja tempatan.

Katanya tidak seorangpun daripada kakitangan syarikat-syarikat Ghana yang diswastakan kepada firma Malaysia telah dihentikan.

Beliau memberi jaminan bahawa kerajaannya akan mengekal dan meningkatkan iklim pelaburan yang baik kerana pelaburan terus akan mempercepatkan pertumbuhan ekonomi Ghana, menyediakan lebih banyak peluang pekerjaan dan menambah pendapatan.

Keluaran Dalam Negara Kasar Ghana berkembang pada kadar 5 peratus sejak 1984 tetapi Rawlings berkata beliau belum berpuas hati kerana pertumbuhan penduduk memberi tekanan kepada pertumbuhan itu.

Penduduk Ghana seramai 17.8 juta orang bertambah sebanyak 3 peratus tahun lepas. -- BERNAMA

RN MAI